



جاپن حال احوال اكام اسلام نكري سابه

KHUTBAH JUMAAT 26 SAFAR 1441H / 25 OKTOBER 2019M

“AL-QURAN ASAS KESATUAN UMMAH”

Disediakan oleh:

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH (JHEAINS)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْآنَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِنْ مُدَكِّرٍ ﴿١٧﴾

Surah Al-Qamar, ayat 17

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ
اهْتَدَى بِهَدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.

MUSLIMIN JEMAAH JUMAAT RAHIMAKUMULLAH,

Bertaqwalah kepada Allah SWT dengan taqwa yang sebenar-benar taqwa. Taqwa dalam erti kata taat dalam melaksanakan segala perintah Allah SWT serta meninggalkan segala yang dilarang-Nya.

Sesungguhnya pahala yang terbaik dijanjikan Allah SWT khusus untuk orang yang beriman dan bertaqwa, firman-Nya:

وَلَوْ أَنَّهُمْ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَمَثُوبَةٌ مِّنْ عِنْدِ اللَّهِ خَيْرٌ لَّوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ



Maksudnya: “Dan kalau sebenarnya mereka itu tetap beriman dan bertaqwa (nescaya mereka akan mendapat pahala), sesungguhnya pahala dari sisi Allah itu adalah lebih baik, kalau mereka mengetahui”. (Surah Al-Baqarah, ayat 103)

JEMAAH JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Al-Quran diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW sebagai Rasul dan Nabi akhir zaman, tiada Rasul dan Nabi lagi selepas Baginda SAW, adalah menjadi petunjuk hidayah untuk umat manusia, firman Allah SWT:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ
وَالْفُرْقَانِ

Maksudnya: “(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa ialah) bulan Ramadan yang padanya diturunkan Al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah...”. (Surah Al-Baqarah, ayat 185)

Al-Quran bukan diturunkan untuk menyusahkan manusia, firman Allah SWT:

طه ﴿١﴾ مَا أَنْزَلْنَا عَلَيْكَ الْقُرْآنَ لِتَشْقَىٰ ﴿٢﴾ إِلَّا تَذِكْرَةً لِّمَن يَخْشَىٰ ﴿٣﴾
تَنْزِيلًا مِّمَّنْ خَلَقَ الْأَرْضَ وَالسَّمَوَاتِ الْعُلَىٰ ﴿٤﴾

Maksudnya: “Taa Haa. Kami tidak menurunkan Al-Quran kepadamu (wahai Muhammad) supaya engkau menanggung kesusahan. Hanya untuk menjadi peringatan bagi orang yang takut melanggar perintah Allah. (Al-Quran) diturunkan dari (Tuhan) yang menciptakan bumi dan langit yang tinggi”. (Surah Taha, ayat 1-4)

Kitab Tafsir Pimpinan Ar-Rahman menghuraikan ayat tentang Al-Quran tidak menyusahkan: “Yakni janganlah engkau wahai Muhammad berdukacita disebabkan kaum kafir musyrik yang engkau seru supaya mereka beriman, masih berdegil dalam kekufuran. Al-Quran yang Kami turunkan kepadamu, engkau hanyalah bertugas menyampaikannya. Sesiapa yang menurutnya, selamatlah dia dan sesiapa yang ingkar, celakalah dia.

Manakala huraian tentang “orang yang takut melanggar perintah Allah SWT”: Kerana orang yang takut melanggar perintah Allah itulah sahaja yang akan beroleh faedah dari peringatan dan hidayah petunjuk Al-Quran, sedang orang yang tidak bersifat demikian, mereka tetap berdegil dalam keingkarannya.

JEMAAH JUMAAT YANG BERIMAN,

Kitab Suci Al-Quran inilah satu-satunya Kitab Mukjizat yang mampu menyatukan umat Islam dan umat manusia dengan jaminan di sisi Allah SWT. Allah SWT menjamin dengan iman dan Islam umat Islam boleh hidup bersatu padu, harmoni dan bertoleransi melalui aplikasi ajaran Al-Quran dalam kehidupan umat Islam.

Untuk itu Islam menggariskan beberapa manhaj atau mekanisme kesatuan dan perpaduan ummah sejagat, antaranya ialah:

1. Ukhuwah dengan iman.

Al-Quran menegaskan bahawa setiap umat Islam yang beriman itu adalah bersaudara, firman Allah SWT yang bermaksud: “*Sebenarnya orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelengkah) itu dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat*”. (Surah Al-Hujuraat, ayat 10)

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *“Tidak beriman seorang dari kamu sehingga dia menyukai bagi saudaranya apa yang dia sukai untuk dirinya”*. (HR Imam al-Bukhari)

2. Berpegang teguh dengan tali Allah, yakni agama Islam.

Berpegang teguh dengan Islam adalah syarat ukhuwah, persaudaraan, penyatuan dan perpaduan ummah yang sebenar-benarnya. Firman Allah SWT lagi yang bermaksud: *“Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu bercerai-berai dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (semasa jahiliyah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang Islam yang bersaudara...”*. (Surah Ali ‘Imran, ayat 103)

3. Ta’aruf atau saling kenal-mengenal antara satu sama lain.

Islam sebagai agama rahmat, universal dan sejagat memperkenalkan manhaj dan acuan terbaik dalam mengukuhkan kesatuan dan perpaduan ummah merentasi suku, kaum dan bangsa, firman Allah SWT yang bermaksud: *“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu)”*. (Surah Al-Hujuraat, ayat 13)

JEMAAH JUMAAT YANG BERIMAN,

4. Hidup dalam Kasih sayang.

Islam adalah agama kasih sayang yang sentiasa menganjurkan umatnya supaya hidup berkasih sayang, rukun damai dan saling membantu, sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *“Orang yang pengasih dan penyayang dikasihi dan disayang oleh Ar-Rahman (Allah Yang Maha Penyayang), kasihilah yang ada di bumi, nesccaya kamu dikasihi oleh yang ada di langit”*. (HR Abu Daud dan At-Tirmizi)

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *“Perumpamaan orang yang beriman di dalam saling kasih sayang dan belas kasihan seperti satu tubuh, apabila kepala sakit, maka seluruh tubuh tidak boleh tidur dan demam”*. (HR Muslim)

5. Menjauhi budaya berbantah-bantah dan permusuhan.

Islam agama yang sangat melarang berbantah-bantah serta permusuhan sesama umat, apatah lagi sesama Islam, kerana ia boleh melemah dan menghilangkan kekuatan ukhuwah dan kesatuan ummah, sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud: *“Dan taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu berbantah-bantah, kalau tidak nesccaya kamu mmenjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cecal hati), sesungguhnya Allah beserta orang yang sabar”*. (Surah Al-Anfaal, ayat 46)

Dalam Hadithnya Rasulullah SAW melarang tiga perkara yang boleh menjejaskan ukhuwah, kesatuan dan perpaduan ummah, daripada Anas bin Malik RA katanya: Sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *“Janganlah kamu saling*

benci-membenci dan janganlah kamu saling dengki-mendengki dan janganlah kamu sindir-menyindir. Jadilah kamu sebagai hamba-hamba Allah yang bersaudara. Haram seorang muslim berkelahi dengan saudaranya lebih dari tiga hari lamanya". (HR Imam Bukhari dan Muslim)

Allah SWT amat benci kepada orang yang suka bermusuhan. Dari Aisyah RA katanya: Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *"Orang yang paling dibenci Allah ialah orang yang suka bermusuhan-musuhan"*. (HR Imam Bukhari)

JEMAAH JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Marilah kita belajar dengan mengambil iktibar dan pengajaran daripada kisah ukhuwah, kesatuan dan perpaduan antara golongan Ansar dan Muhajirin yang mempunyai nilai ukhuwah yang tinggi dan erti perpaduan yang diasaskan atas nama iman yang sebenar.

Perkara ini dirakamkan oleh Allah SWT di dalam Kitab Suci Al-Quran, sebagaimana firman-Nya:

لِلْفُقَرَاءِ الْمُهَاجِرِينَ الَّذِينَ أُخْرِجُوا مِنْ دِيَارِهِمْ وَأَمْوَالِهِمْ يَبْتَغُونَ
فَضْلًا مِنَ اللَّهِ وَرِضْوَانًا وَيَنْصُرُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ هُمُ
الصَّادِقُونَ ﴿٨﴾

Maksudnya: *"(Pemberian itu hendaklah diuntukkan) kepada orang faqir yang berhijrah, yang telah diusir keluar dari kampung halamannya dan harta bendanya (kerana berpegang teguh kepada ajaran Islam), untuk mencari limpah kurnia dari Allah dan keredhaan-Nya serta menolong (agama) Allah dan Rasul-Nya, mereka itulah orang yang benar (iman dan amalnya)".* (Surah Al-Hasyr, ayat 8)

Pengalaman kisah umat Islam Ansar dengan Muhajirin yang hebat kerana saling kasih-mengasihi dengan ikatan iman, adalah pengalaman yang mesti diikuti oleh umat Islam hari ini sehingga hari kiamat. Firman Allah SWT yang bermaksud: *"Dan orang (Ansar) yang mendiami negeri (Madinah) serta beriman sebelum mereka, mengasihi orang yang berhijrah ke negeri mereka dan tidak ada pula dalam hati mereka perasaan berhasratkan apa yang telah diberi kepada orang yang berhijrah itu dan mereka juga mengutamakan orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan sangat-sangat berhajat. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka merekalah orang yang berjaya".* (Surah Al-Hasyr, ayat 9)

Dalam Kitab Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, menjelaskan tentang kisah Ansar dan Muhajirin berkenaan: Yakni yang telah mendiami Madinah sebelum kedatangan kaum Muhajirin dan telah beriman lebih dahulu dari kebanyakan kaum Muhajirin itu.

JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI,

Demikianlah, indahnya hidup umat Islam yang mengatur kehidupannya sentiasa berpandukan petunjuk hidayah Al-Quran. Hidup sentiasa dibawah naungan petunjuk Al-Quran. Jika menempuh kebuntuan dalam kehidupan Al-Quran menjadi rujukan.

Firman Allah SWT:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي
الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن
كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾

Maksudnya: “Wahai orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada ‘Ulil-Amri’ (orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) Rasul-Nya, jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu) dan lebih elok pula kesudahannya”. (Surah An-Nisaa’, ayat 59)

Semoga kita semua, menjadi umat yang sentiasa bersatu padu, hidup bersaudara, harmoni dan saling kenal-mengenal antara satu sama lain dan terselamat daripada segala bencana kesesatan aqidah yang boleh memecahbelahkan kesatuan dan perpaduan ummah.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ
لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.